



Your Bank. Malaysia's Bank. AmBank.™

Versi : April 2014

AmBank (M) Berhad Perjanjian MasterCard/ VISA

Pengeluaran Kad MasterCard/ VISA AmBank (M) Berhad ("Kad") oleh AmBank (M) Berhad ("Bank") kepada Ahli Kad dan penggunaan Kad oleh Ahli Kad adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat yang dimaklumkan kepada Ahli Kad semasa permohonan dan/atau pada waktu penghantaran Kad. Terma-terma dan Syarat-syarat ini mengikat Ahli Kad sebaik sahaja penerimaan diperakui dan/atau penggunaan Kad oleh Ahli Kad. Oleh yang demikian, adalah sangat penting kepada Ahli Kad untuk membaca dengan teliti dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat yang dicetak di bawah sebelum menggunakan Kad tersebut.

1. Definisi

- 1.1 Dalam perjanjian ini perkataan-perkataan berikut mempunyai maksud seperti yang tertera di bawah melainkan konteks dinyatakan sebaliknya:
- "Kumpulan AmBank" merujuk kepada AMMB Holdings Berhad (No. Syarikat 223035-V) dan kumpulan syarikat dan termasuk mana-mana atau semua anak syarikat AMMB Holdings Berhad.
 - "ATM" merujuk kepada mesin teler automatik Bank atau mana-mana anak syarikat Kumpulan AmBank atau Bank Ahli MasterCard/ VISA.
 - "Bank" merujuk kepada AmBank (M) Berhad (No. Syarikat 8515-D), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftaranya di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.
 - "Buletin Pembatalan" merujuk kepada senarai kad yang mengandungi nombor akaun Kad yang telah dibatalkan oleh Bank atau Bank Ahli MasterCard/ VISA.
 - "Kad" merujuk kepada MasterCard/ VISA yang dikeluarkan oleh Bank kepada Ahli Kad dan yang mana berkenaan dan yang mana konteks dibenarkan, ungkapan "Kad" adalah termasuk Kad Tambahan.
 - "Akaun Kad" merujuk kepada akaun MasterCard/ VISA Ahli Kad di mana segala bayaran bagi pembelian barangan dan perkhidmatan, dan/atau Pendahuluan Tunai telah dibuat melalui penggunaan Kad oleh Ahli Kad dan mana-mana Ahli Kad Tambahan dan semua yuran tahunan dan/atau sebarang yuran yang didebitkan.
 - "Had Kredit" merujuk kepada had kredit yang dikenakan oleh Bank atas budibicara Bank terhadap Ahli Kad dan mana-mana Ahli Kad Tambahan bagi penggunaan Kad dan dimaklumkan secara bertulis kepada Ahli Kad oleh Bank pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa.
 - "Penyata Kad" merujuk kepada penyata akaun fizikal atau penyata akaun elektronik yang menyatakan segala urusanniaga yang dibuat ke Akaun Kad, dihantar melalui pos atau secara elektronik kepada alamat e-mel Ahli Kad yang diberikan pada setiap bulan atau pada tempoh masa yang difikirkan sesuai oleh Bank. Bank, atas budibicara mutlakanya, boleh mempertimbangkan sama ada untuk menghantar penyata sekiranya terdapat baki kredit atau tidak terdapat sebarang jumlah berbayar yang tertunggak kepada Bank dan tidak terdapat sebarang transaksi bagi mana-mana bulan. Bank boleh dalam budibicara mutlakanya memilih mana-mana tarikh bulanan sebagai tarikh Penyata Kad.
 - "Ahli Kad" merujuk kepada individu yang telah memohon dan kad telah dikeluarkan di atas namanya dan di mana berkenaan dan di mana konteks dibenarkan, ungkapan "Ahli Kad" adalah termasuk Ahli Kad Tambahan.
 - "Pendahuluan Tunai" merujuk kepada pengeluaran wang tunai di dalam dan di luar Malaysia dari Akaun Kad di cawangan Bank tertentu atau kumpulan syarikat Bank, cawangan sertaan Bank Ahli MasterCard/ VISA atau di ATM Bank tertentu dan ATM sertaan Bank Ahli MasterCard/ VISA.
 - "Yuran Pendahuluan Tunai" merujuk kepada yuran perkhidmatan yang dicajkan bagi setiap urusanniaga Pendahuluan Tunai oleh Ahli Kad.

- l) "Saudagar" merujuk kepada pertubuhan atau saudagar yang menerima Kad sebagai satu cara pembayaran barangan dan/atau perkhidmatan dan bayaran tersebut hendaklah dicajkan kepada Akaun Kad.
- m) "Bayaran Minimum Perlu Dibayar" merujuk kepada amaun minimum yang perlu dibayar oleh Ahli Kad sebelum Tarikh Pembayaran Perlu Dibayar yang mana lebih tinggi:
 - i) 5% dari jumlah baki tertunggak untuk setiap Akaun Kad atau RM50, yang mana lebih tinggi; atau
 - ii) amaun melebihi Had Kredit termasuk 5% dari jumlah baki tertunggak di dalam Akaun Kad, termasuk apa-apa baki tertunggak yang perlu dibayar di mana baki tertunggak melebihi Had Kredit Ahli Kad sekiranya amaun di atas boleh diubah oleh Bank dari masa ke semasa atas budibicara mutlak Bank.
- n) "Bulan" bermakna bulan mengikut kalendar Gregorian.
- o) "Tarikh Pembayaran Perlu Dibayar" merujuk kepada tarikh di mana pembayaran perlu dijelaskan dan pada masa ini 20 hari dari tarikh Penyata Kad. Tarikh Pembayaran Perlu Dibayar boleh diubah pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu atas budibicara mutlak Bank dan apa-apa perubahan adalah berkuatkuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank dan mengikat Ahli Kad.
- p) "PIN" merujuk kepada nombor pengenalan peribadi yang dikeluarkan pada Kad untuk Ahli Kad.
- q) "Kad Tambahan" merujuk kepada Kad MasterCard/ VISA yang dikeluarkan oleh Bank kepada Ahli Kad Tambahan.
- r) "Ahli Kad Tambahan" merujuk kepada mana-mana individu yang telah memohon dan telah dikeluarkan Kad Tambahan di atas namanya dan dilantik dan dibenarkan oleh Ahli Kad untuk mengendalikan akaun Kad Tambahan.
- s) "Perjanjian ini" merujuk kepada perjanjian di antara Ahli Kad dan Bank di mana Kad yang di keluarkan oleh Bank kepada Ahli Kad di atas Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini dan termasuk Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung di dalam borang permohonan Bank yang telah ditandatangani dan diserahkan oleh Ahli Kad kepada Bank apabila memohon untuk pengeluaran Kad dan apa-apa Terma dan Syarat tambahan lain atau diubah dari masa ke semasa.
- t) "VISA" merujuk kepada VISA International Service Association, P.O. Box 8999, San Francisco, CA 94128-8999, Amerika Syarikat (dan termasuk semua pengganti hakmilik dan penetapan) di mana Bank adalah ahli utamanya.
- u) "MasterCard" merujuk kepada MasterCard International Incorporated, sebuah syarikat yang diperbadankan di negeri Delaware, dengan pejabat utamanya di 2000 Purchase Street, Purchase, NY 10577-2509, Amerika Syarikat (dan termasuk semua pengganti hakmilik dan penetapan) di mana Bank adalah ahli utamanya.
- v) "Bank Ahli VISA" merujuk kepada institusi kewangan yang merupakan ahli VISA.
- w) "Bank Ahli MasterCard" merujuk kepada institusi kewangan yang merupakan ahli MasterCard.

1.2 Interpretasi

- a) Perkataan yang membawa maksud satu merangkumi maksud majmuk.
- b) Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki merangkumi maksud jantina perempuan dan tanpa jantina.
- c) Bagi tempoh pengiraan mana-mana tempoh masa atau apabila sesuatu tindakan perlu diambil dalam tempoh masa tertentu dari tarikh yang ditetapkan, maka tempoh masa tersebut bermulanya dari tarikh yang ditetapkan, kecuali melainkan perubahan oleh Bank di atas budibicara mutlaknya.

2. Penerimaan Kad

- 2.1 Sebagai balasan kepada Bank mengeluarkan Kad kepada Ahli Kad dan mana-mana Kad Tambahan kepada Ahli Kad Tambahan, Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan bersetuju untuk mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian ini dan mana-mana Terma dan Syarat lain yang mungkin akan ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa.
- 2.2 Kad boleh digunakan di premis perniagaan Saudagar, ATM dan institusi kewangan yang diberikuasa untuk menerima MasterCard/ VISA sebagai mod pembayaran. Ahli Kad dengan ini bersetuju untuk menandatangani di belakang Kad sebaik sahaja menerima Kad tersebut.

- 2.3 Kad hanya boleh digunakan oleh Ahli Kad di mana Kad dikeluarkan untuk Ahli Kad dan Ahli Kad tidak boleh membenarkan mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan Kad atau memindah milik atau berpisah dengan hakmilik Kad atau menggunakannya untuk sebarang tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank.
- 2.4 Untuk tujuan melaksanakan urusan ATM dengan Kad, Bank akan mengeluarkan PIN dan menghantarnya kepada Ahli Kad (atas permintaan Ahli Kad). PIN adalah sulit dan tidak seharusnya didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga dalam apa jua cara atau keadaan sekalipun.
- 2.5 Ahli Kad seharusnya bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya semua urusan yang dibuat menerusi penggunaan PIN samada penggunaan diberikuasa ataupun tidak oleh Ahli Kad. Ahli Kad hendak mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan penggunaan PIN secara fraud dan tidak sah. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - Jangan mendedahkan atau menulis PIN di atas Kad, atau mana-mana barangan lain yang biasanya disimpan bersama Kad
 - Jangan menulis PIN dengan cara yang mudah difahami oleh mana-mana pihak ketiga
 - Jangan mendedahkan/memberitahu PIN kepada mana-mana pihak ketiga
 - Menghubungi Bank serta-merta sebaik sahaja Ahli Kad mengetahui atau mengesyaki mana-mana pihak ketiga mengetahui tentang PIN tersebut
 - Memusnahkan pemberitahuan PIN dengan serta-merta selepas Ahli Kad membaca dan mencatatkan kandungannya
- 2.6 Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas sebarang kata laluan yang diberikan kepadanya. Ahli Kad hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghalang kata laluan daripada terdedah kepada mana-mana pihak ketiga. Semua peruntukan berkenaan PIN akan juga terpakai ke atas sebarang kata laluan.

3. Penggunaan Kad

- 3.1 Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab ke atas segala urusan yang terhasil daripada penggunaan Kad oleh Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan. Tanggungan dan kewajipan ini akan terus wujud tanpa mengambil kira penamatan Perjanjian ini.
- 3.2
 - a) Bank boleh mendebitkan Akaun Kad Ahli Kad mengikut jumlah yang tercatat di atas draf penjualan atau draf pengeluaran tunai yang ditandatangani oleh Ahli Kad atau draf penjualan atau draf pengeluaran tunai yang tidak ditandatangani, sekiranya Bank berpendapat draf yang tidak ditandatangani itu adalah disebabkan oleh sifat urusan itu sendiri atau disebabkan oleh kesilapan pihak Ahli Kad dan/atau Saudagar dan/atau Bank Ahli MasterCard/ VISA.
 - b) Bank berhak untuk menganggap rekod bagi apa-apa urusan Bank yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada urusan yang dilaksanakan melalui pesanan pos atau melalui telefon, sebagai bukti hutang yang ditanggung oleh Ahli Kad yang didebitkan dari Akaun Kad tanpa mengambil kira bahawa apa-apa rekod tersebut mungkin tidak mempunyai tandatangan Ahli Kad.
- 3.3 Had Kredit dalam Akaun Kad mestilah sentiasa dipatuhi oleh Ahli Kad.
- 3.4 Sekiranya Ahli Kad mengendalikan dua Akaun Kad atau lebih atau membenarkan Ahli Kad Tambahan menggunakan Akaun Kad Ahli Kad, gabungan Had Kredit akan diperuntukkan kepada Akaun Kad yang mewakili jumlah Had Kredit yang ditambah untuk semua Kad yang dikendalikan di bawah Akaun Kad.
- 3.5 Tanpa mengambil kira bahawa gabungan Had Kredit yang diperuntukkan telah ditetapkan untuk Ahli Kad, Bank boleh pada bila-bila masa mengikut budibicaranya tanpa mengambil kira bahawa tidak terdapat kemungkiran dalam apa-apa pembayaran, mengubah had tersebut atau menyekat atau menolak atau menahan kredit Ahli Kad tanpa memberikan apa jua sebab bagi perubahan Had Kredit tersebut dengan notis terlebih dahulu.
- 3.6 Bank tidak akan menanggung sebarang tindakan atau pengabaian dari pihak Saudagar termasuk penolakan oleh Saudagar untuk menerima Kad atau sebarang kecacatan atau kerosakan terhadap barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh Saudagar. Ahli Kad hendaklah menyelesaikan semua aduan, tuntutan dan pertikaian dengan Saudagar secara langsung dan bukan melalui Bank. Ahli Kad mengaku janji agar tidak melibatkan Bank dalam apa-apa tuntutan dan/atau pertikaian atau prosiding undang-undang yang diambil terhadap Saudagar. Apa-apa tuntutan/pertikaian Ahli Kad terhadap Saudagar tidak akan melepaskan Ahli Kad dari obligasi untuk membayar Bank jumlah yang ditanggung ke atas Kad.

- 3.7 Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk melaksanakan urusan ATM. Penggunaan tersebut akan tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Bank bagi urusan ATM dan/atau Terma-terma dan Syarat-syarat Bank Ahli MasterCard/ VISA di samping Terma-terma dan Syarat-syarat dalam Perjanjian ini.
- 3.8 Ahli Kad bersetuju sekiranya:
- Ahli Kad menggunakan kemudahan perbankan lain dengan Bank dan sekiranya pada pendapat Bank, terdapat apa-apa kemudahan perbankan lain atau kemudahan Kad ini tidak dikendalikan dalam cara yang memuaskan kepada Bank; dan/atau
 - Kad dijumpai digunakan untuk apa-apa sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbankan dalam talian, pertaruhan atau perjudian yang menyalahi undang-undang maka, Bank berhak dengan serta-merta menggantung, membatalkan atau menamatkan Kad dengan notis terlebih dahulu atau liabiliti kepada Ahli Kad.
- 3.9 Had Kredit Berlebihan
- Mana-mana urusan yang melebihi Had Kredit yang diberikan akan tertakluk kepada pengurusan akaun Ahli Kad dan had lebih yang dibenarkan adalah mengikut budi bicara pihak Bank.
 - Yuran Had Berlebihan adalah 2% daripada jumlah yang melebihi Had Kredit yang diberikan atau sekurang-kurangnya RM50, yang mana lebih tinggi, akan dikenakan ke atas Ahli Kad jika transaksi dibuat melebihi Had Kredit.
 - Ahli Kad tidak boleh menggunakan Kad dengan cara yang menyebabkan jumlah agregat amaun terhutang kepada Bank melebihi Had Kredit. Dalam keadaan sebegini, Ahli Kad bersetuju bahawa Ahli Kad akan bertanggungjawab untuk mengawasi penggunaan Kad dan Bank tidak mempunyai tanggungjawab atau obligasi untuk memastikan bahawa Had Kredit Ahli Kad tidak akan melebihi hadnya.
 - Ahli Kad mengakui janji untuk menyelesaikan dengan serta-merta kesemua amaun yang melebihi Had Kredit setelah menerima Penyata Kad atau setelah diminta oleh Bank, di mana kegagalan Ahli Kad berbuat demikian, tanpa prejudis kepada apa-apa hak di dalam ini, Kad bolehlah dianggap telah digantung, dibatalkan atau ditamatkan dengan notis diberikan dan liabiliti kepada Ahli Kad.
 - Ahli Kad mesti memaklumkan pihak Bank sekiranya mereka memilih untuk berbelanja mengikut Had Kredit yang diberikan. Setelah berbuat demikian, apa-apa urusan yang melebihi Had Kredit yang diberikan akan ditolak. Walau bagaimanapun, ini tidak terpakai kepada transaksi pemprosesan 'stand-in', faedah atau yuran yang dikenakan oleh Bank dan transaksi auto-debit. Transaksi Pemprosesan 'stand-in' adalah servis otoriti rangkaian pembayaran (VISA/ MasterCard International) yang perlu digunakan sekiranya atau apabila pemproses kebenaran pihak bank tidak tersedia. Bagi transaksi auto-debit pula, Yuran Lebihan Had masih akan dikenakan.
- 3.10 Had Pengeluaran Harian untuk Pendahuluan Tunai
- Penggunaan Kad untuk mengeluarkan tunai di ATM adalah tertakluk kepada had pengeluaran harian ATM tertentu dan/atau had Pendahuluan Tunai Bank dan/atau Had Kredit Ahli Kad yang sedia ada, di mana lebih rendah.
 - Bank boleh mengubah had Pendahuluan Tunai dari masa ke semasa atas budi bicaranya dengan notis terlebih dahulu.

4. Kad Tambahan

- 4.1 Atas permintaan Ahli Kad, Bank boleh mengikut budibicaranya mengeluarkan Kad Tambahan kepada Ahli Kad Tambahan.
- 4.2 Bank boleh memungut baki belum jelas dalam Akaun Kad samada daripada Ahli Kad atau Ahli Kad Tambahan berkenaan Kad Tambahan tanpa melepaskan apa-apa haknya terhadap yang lain.
- 4.3 Kad Tambahan boleh dibatalkan setelah Ahli Kad menyerahkan notis bertulis kepada Bank, dengan Syarat pembatalan tersebut tidak menjejaskan hak, tanggungjawab dan obligasi yang bertambah bagi Ahli Kad dan/atau Ahli Kad Tambahan sebelum pembatalan tersebut. Notis hendaklah disertakan dengan Kad Tambahan yang telah dipotong dua dan dikembalikan kepada Bank.

- 4.4 Ahli Kad Tambahan hanya akan bertanggungjawab ke atas segala tanggungan dan kewajipan yang terhasil daripada penggunaan Kad Tambahan. Tanggungan dan kewajipan ini akan terus wujud tanpa mengambil kira penamatan Perjanjian ini.
- 4.5 Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa Ahli Kad Tambahan mematuhi semua Terma dan Syarat Perjanjian ini.

5. Urusniaga Luar Negara

- 5.1 Ahli Kad boleh menggunakan Kad di premis Saudagar yang menerima MasterCard/ VISA, Bank MasterCard/ VISA atau ATM MasterCard/ VISA di luar Malaysia.
- 5.2 Semua Pendahuluan Tunai antarabangsa tertakluk kepada undang-undang negara di mana urusniaga itu dilakukan.
- 5.3 Bagi semua urusniaga di luar Malaysia dalam apa-apa matawang asing, Bank akan menukarkan caj kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran mata wang yang ditentukan oleh MasterCard/ VISA mengikut budi bicara mutlaknya sebelum mendebitkan Akaun Kad.
- 5.4 Ahli Kad hendaklah mematuhi Peraturan Kawalan Tukaran Mata Wang (termasuk peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan pengawalan) berhubung dengan apa-apa urusniaga luar negara. Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya bagi apa-apa perbuatan yang melanggar undang-undang tersebut.

6. Akaun Kad

- 6.1 Bank hendaklah mengendalikan Akaun Kad berasingan untuk Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan bagi setiap Kad yang dimiliki dan semua urusniaga yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad tersebut dan semua yuran dan bayaran akan didebitkan ke Akaun Kad masing-masing.
- 6.2 Penyata Kad bagi semua Akaun Kad milik Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan yang menyatakan urusniaga yang dicatitkan dalam Akaun Kad akan dihantar kepada Ahli Kad pada setiap bulan atau pada selang masa yang mungkin dianggap sesuai oleh Bank, pada tarikh yang ditentukan oleh Bank dan Bank mungkin atas budibicaranya memilih mana-mana tarikh bulanan sebagai tarikh Penyata Kad.
- 6.3 Walaubagaimana yang dinyatakan di dalam fasal 6.2, Ahli Kad bersetuju bahawa tiada Penyata Kad akan dihantar kepada Ahli Kad sekiranya:
 - a) terdapatnya baki kredit di dalam Penyata Kad; dan/atau
 - b) tidak terdapat sebarang baki tertunggak di dalam Penyata Kad; dan/atau
 - c) tidak terdapat sebarang urusniaga pada bulan tersebut.Walaubagaimanapun di dalam keadaan sebegini, Penyata Kad akan diberikan kepada Ahli Kad di atas permintaan Ahli Kad.
- 6.4 Semua rekod dan butiran dalam Penyata Kad akan dianggap betul dan mengikat Ahli Kad melainkan Ahli Kad memberitahu Bank secara bertulis tentang kesilapan dalam Penyata Kad tidak kurang daripada empat belas (14) hari dari tarikh Penyata Kad. Segala aduan atau pertikaian yang diterima oleh Bank selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan.
- 6.5 Ahli Kad dikehendaki menghubungi Bank dalam tempoh 30 hari dari apa-apa perubahan yang dilaksanakan, secara bertulis sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada Ahli Kad dan/atau alamat kediaman, nombor telefon atau pertukaran pekerjaan Ahli Kad yang dicatit dan diakui di dalam borang permohonan. Ahli Kad juga hendaklah menghubungi Bank tentang hasratnya ke luar negara untuk mengelakkan sebarang gangguan penggunaan Kad.

7. Pembayaran

- 7.1 Setelah menerima Penyata Kad, Ahli Kad hendaklah pada atau sebelum Tarikh Pembayaran Perlu Dibayar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Kad, membayar kepada Akaun Kad Bayaran Minimum Perlu Dibayar atau baki tertunggak, yang mana lebih rendah.
- 7.2 Sekiranya Ahli Kad tidak membuat pembayaran di bawah fasal 7.1 di atas, Bank berhak mengenakan bayaran kepada Ahli Kad dan Ahli Kad akan menanggung pembayaran tambahan seperti yang ditetapkan dalam fasal 11 Perjanjian ini.
- 7.3 Semua pembayaran ke Akaun Kad mestilah dibuat dalam mata wang di tempat Penyata Kad dikeluarkan. Pembayaran oleh Ahli Kad tidak akan dianggap telah dibuat sehingga pembayaran berkaitan diterima oleh Bank. Semua pembayaran menggunakan cek luar hendaklah termasuk komisyen jika berkenaan. Kegagalan untuk memasukkan komisyen membolehkan Bank mendebit Akaun Kad Ahli Kad bagi perkara yang sama.

- 7.4 Pembayaran yang dibuat oleh Ahli Kad ke Akaun Kad akan digunakan untuk menyelesaikan apa-apa jumlah yang tertunggak yang menarik kadar caj kewangan tertinggi.
- 7.5 Ahli Kad tidak boleh menahan pembayaran sekiranya terdapat apa-apa pertikaian.
- 7.6 Sekiranya, Ahli Kad membayar Bank amaun melebihi jumlah baki tertunggak ("Pembayaran terdahulu"), Bank berhak untuk mengesahkan punca wang Pembayaran Terdahulu pada bila-bila masa atas budibicaranya. Tertakluk kepada Bank bersetuju dengan pengesahan, Bank boleh tanpa prejudis kepada mana-mana hak Bank, menggunakan Pembayaran Terdahulu kepada obligasi pembayaran pembelian dan urusanniaga penggunaan Kad oleh Ahli Kad. Sementara menunggu pengesahan punca wang, bank menyimpan haknya untuk menggantung penggunaan Kad dan/atau menolak apa-apa urusanniaga Kad yang cuba digunakan oleh Ahli Kad selepas Pembayaran Terdahulu.

8. Pemilikan Kad

- 8.1 Kad kekal menjadi hakmilik Bank pada setiap masa dan Ahli Kad hendaklah mengembalikan Kad yang telah dipotong dua kepada Bank apabila diminta berbuat demikian atau jika penggunaan Kad oleh Ahli Kad dibatalkan atau digantung.

9. Kehilangan/ Kecurian Kad

- 9.1 Ahli Kad hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan atau kecurian Kad. Sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian Kad atau pendedahan PIN kepada pihak lain, Ahli Kad hendaklah dengan serta-merta memberitahu Bank di tempat atau lokasi yang disediakan oleh Bank dari masa ke semasa yang mengendalikan operasi harian berkenaan Kad ("Pusat Kad Bank") melalui telefon setelah mengetahui tentang kehilangan atau kecurian tersebut dan mengesahkan perkara tersebut secara bertulis dan memberikan satu salinan laporan polis yang dibuat oleh Ahli Kad bagi kehilangan atau kecurian Kad kepada Pusat Kad Bank seberapa segera yang mungkin.
- 9.2 Ahli Kad akan bertanggungjawab bagi semua urusanniaga yang dilakukan akibat penggunaan Kad yang tidak dibenarkan sehingga laporan tentang kehilangan atau kecurian diterima oleh Pusat Kad Bank. Bank boleh atas budibicaranya memutuskan bahawa liabiliti Ahli Kad dihadkan kepada RM250 sekiranya Ahli Kad tidak melakukan penipuan atau gagal memberitahu Bank dalam jangkamasa yang munasabah sebaik sahaja menyedari akan kehilangan atau kecurian Kad.
- 9.3 Ahli Kad akan bertanggungjawab bagi semua urusanniaga yang dilakukan akibat penggunaan yang tidak dibenarkan sekiranya penyasatan dilakukan oleh Bank atau polis mendapati bahawa Ahli Kad terlibat sama di dalam penggunaan Kad yang tidak dibenarkan.
- 9.4 Bank tidak berkewajipan untuk mengeluarkan Kad gantian berikutan dengan kehilangan atau kecurian Kad.

10. Penggantungan/ Pembatalan/ Penamatan

- 10.1 Sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada apa-apa hak lain Bank yang terkandung di dalam Perjanjian ini, Bank boleh dengan notis dan tanpa memberikan apa-apa alasan atas budi bicara mutlaknya tanpa apa jua liabiliti kepada Ahli Kad, membatalkan atau menarik balik Kad atau menggantung atau menyekat penggunaan Kad oleh Ahli Kad atau mana-mana Kad Tambahan oleh Ahli Kad Tambahan di bawah Akaun Kad atau apa-apa perkhidmatan pada bila-bila masa atau apabila berlakunya apa-apa kejadian di bawah fasal 10.2. Pembatalan Kad tersebut atau penggantungan atau penyekatan penggunaan Kad oleh Ahli Kad hendaklah termasuk semua Ahli Kad Tambahan dan sebaliknya.
- 10.2 Semua wang yang terhutang kepada Bank di dalam Akaun Kad Ahli Kad kena dibayar dan hendaklah dibayar dengan segera sekiranya berlaku mana-mana kejadian yang berikut:
 - a) Ahli Kad gagal membayar apa-apa pembayaran yang terhutang; atau
 - b) Ahli Kad diisytiharkan bankrap atau tidak mampu bayar, meninggal dunia atau menjadi tidak siaman; atau
 - c) Sebarang harta tanah atau peribadi Ahli Kad yang tertakluk kepada levi pelaksanaan, writ tahanan atau halangan undang-undang yang lain; atau
 - d) Selepas semakan kredit, Bank merasakan kedudukannya tidak terjamin (walaupun akaun Ahli Kad masih berkuat kuasa); atau

- e) Ahli Kad menggunakan Kad melebihi Had Kredit; atau
 - f) Ahli Kad gagal mematuhi sebarang peruntukan yang ditetapkan dalam Perjanjian ini; atau
 - g) Bank tidak dapat menjejaki atau mengetahui di mana Ahli Kad berada; atau
 - h) Ahli Kad membuat atau cuba membuat komposisi dengan pemiutang; atau
 - i) Sekiranya apa-apa perjanjian, kontrak dan/atau instrumen berkenaan Kad dicabar oleh mana-mana individu berkenaan dengan kesahannya.
- 10.3 Apabila penyelesaian penuh dibuat ke atas kesemua baki tertunggak pada Akaun Kad, Ahli Kad boleh membatalkan Perjanjian ini dengan memberikan notis bertulis dan mengembalikan Kad dan/atau Kad Tambahan yang dipotong dua ke Pusat Kad Bank. Selagi Kad dan Kad Tambahan belum diterima oleh Pusat Kad Bank, tanggungan Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan akan terus wujud melalui penggunaan Kad. Penamatan tersebut tidak akan menjejaskan tanggungan Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan bagi semua wang yang terhutang kepada Bank sebelum penerimaan notis bertulis untuk membatalkan Perjanjian bersama dengan Kad dipotong dua.
- 10.4 Setelah pembatalan Kad atau penggantungan, penamatan atau penyekatan penggunaan Kad, semua wang yang terhutang kepada Bank oleh Ahli Kad, hendaklah dibayar dengan segera dan Ahli Kad hendaklah, atas permintaan Bank, membayar penuh kepada Bank semua wang yang terhutang dan belum jelas dalam Akaun Kadnya tetapi sekiranya Ahli Kad gagal berbuat demikian, maka Bank boleh mengambil apa-apa tindakan yang dirasakan perlu mengikut budibicara mutlaknya untuk mendapatkan semula wang tersebut.
- 10.5 Sekiranya Kad dan/atau Kad Tambahannya dibatalkan, Bank boleh tanpa menanggung liabiliti memaparkan nombor Kad dan/atau Kad Tambahan pada Buletin Pembatalan dan mengedarkannya kepada semua Saudagar dan/atau Bank Ahli MasterCard/ VISA.

11. Yuran dan Bayaran

- 11.1 Ahli Kad bersetuju membayar dan membenarkan Bank untuk mendebitkan yuran dan bayaran kewangan berikut dari Akaun Kad Ahli Kad:
- a) Yuran khidmat tahunan seperti yang ditetapkan oleh Bank ke atas Kad dan setiap Kad Tambahan yang dikeluarkan atau diperbaharui di mana yuran ini akan ditentukan atau diubah oleh Bank dari masa ke semasa dan apa-apa cukai perkhidmatan atau cukai lain yang boleh dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa tertentu dari masa ke semasa dengan notis terlebih dahulu.
 - b) Sekiranya Akaun Kad ditamatkan oleh Ahli Kad atau Bank tanpa pembayaran penuh dijelaskan oleh Ahli Kad dalam Akaun Kad, maka Bank mempunyai hak untuk terus mengenakan yuran khidmat tahunan dan mengutip cukai perkhidmatan atau apa-apa cukai sehingga Akaun Kad dibayar sepenuhnya.
 - c) Yuran Pendahuluan Tunai pada kadar 5% yang ditetapkan dicaj pada amaun yang dikeluarkan atau minimum RM50, yang mana lebih tinggi. Yuran Pendahuluan Tunai ini akan didebitkan dari Akaun Kad pada tarikh Pendahuluan Tunai dicatat. Selain Yuran Pendahuluan Tunai, bayaran kewangan pada kadar 1.5% setiap bulan mengikut kiraan atas baki harian akan dikenakan ke atas Pendahuluan Tunai dan Yuran Pendahuluan Tunai dari tarikh Pendahuluan Tunai tersebut dibuat dan tarikh Yuran Pendahuluan Tunai dicatat sehinggalah pembayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad. Tunai atau cip perjudian yang diperoleh dari kasino atau sebarang bentuk transaksi dan urusan perjudian yang menggunakan Kad akan dianggap sebagai Pendahuluan Tunai dan tertakluk kepada Yuran Pendahuluan Tunai.
 - d) Yuran untuk ciri-ciri tambahan (jika berkenaan) yang tidak diwajibkan atau tidak dibekalkan secara automatik untuk kad kredit akan dicajkan ke Akaun Kad untuk ciri-ciri tambahan yang telah dilanggan oleh Ahli Kad. Yuran-yuran yang dicajkan adalah berbeza dan bergantung kepada jenis serta tempoh langganan ciri-ciri tersebut. Yuran ini merupakan yuran tahunan dan akan dikreditkan ke dalam akaun Ahli Kad sebaik sahaja langganan yang ditandatangani Ahli Kad telah diterima oleh Bank.

- e) Caj pembayaran lewat adalah 1% daripada baki tertunggak yang perlu dibayar atau bayaran minimum RM10, yang mana lebih tinggi, sehingga maksimum RM100 dan akan dikenakan selepas Tarikh Pembayaran Perlu Dibayar.

Senario	1	2
<i>Baki Tertunggak</i>	<i>RM12,000</i>	<i>RM800</i>
<i>Caj pembayaran lewat (1% x baki tertunggak)</i>	<i>RM120</i>	<i>RM8</i>
<i>Caj sebenar (Max/ Min)</i>	<i>RM100</i>	<i>RM10</i>

- f) Caj kewangan pada kadar 1.5% setiap bulan mengikut kiraan atas baki harian akan dikenakan ke atas pindahan baki yang belum dijelaskan dari tarikh Tempoh Kadar Faedah Istimewa akan dikenakan sehinggalah pembayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad.
- g) Yuran khidmat sebanyak RM20 bagi setiap salinan berhubung dengan apa-apa permintaan daripada Ahli Kad untuk salinan draf jualan. Walaubagaimanapun, bayaran ini tidak akan dilevikan sekiranya didapati telah berlaku kesilapan semasa pemprosesan daripada Bank.
- h) Yuran perkhidmatan sebanyak RM5 setiap salinan bagi permintaan pertama dan RM10 setiap salinan bagi permintaan seterusnya untuk penyata bulanan yang sama, juga berhubung dengan sebarang permintaan salinan pendua Penyata Kad. Walaubagaimanapun, caj ini tidak akan dikenakan sekiranya didapati telah berlakunya kesilapan pemprosesan.
- i) Kos guaman dan perbelanjaan lain yang mungkin ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasakan hak Bank di bawah Perjanjian ini dan mendapatkan semula semua atau mana-mana bahagian wang yang terhutang oleh Ahli Kad kepada Bank di dalam Akaun Kadnya.
- j) Yuran ejen dan perbelanjaan lain yang mungkin ditanggung oleh Bank sekiranya Bank melantik ejen untuk mengutip semua atau sebahagian wang terhutang oleh Ahli Kad kepada Bank di dalam Akaun Kad.
- k) Yuran Kad Gantian sebanyak RM25 akan dikenakan bagi setiap Kad gantian yang dikeluarkan.
- l) Apa-apa yuran dan bayaran lain yang sewajarnya yang sepatutnya dikenakan oleh Bank dari masa ke semasa untuk perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad.
- m) Kos pentadbiran sebanyak 1% dikenakan ke atas transaksi luar negara dan pengeluaran Pendahuluan Tunai di luar Malaysia.
- n) Yuran lebih had sehingga 2% daripada amaun atas Had Kredit atau minimum RM50, yang mana lebih tinggi.
- o) Yuran penyata sebanyak RM12 setahun akan dikenakan secara automatik kepada Akaun Kad bagi Ahli Kad yang memilih untuk menerima Penyata Kad yang dihantar melalui pos, melainkan Ahli Kad yang memilih penyata elektronik (e-Penyata) yang dihantar melalui e-mel. Sekiranya Ahli Kad memilih untuk menerima e-Penyata sebelum berakhirnya tempoh tahunan selepas memilih Penyata Kad yang dihantar melalui pos, yuran tersebut akan dikembalikan atas dasar prorata.
- p) Yuran Pemulangan Baki Kredit sebanyak RM2 akan dikenakan ke atas setiap pemulangan amaun terlebih bayar (baki kredit) yang dibuat ke atas Akaun Kad. Sekiranya Kad dibatalkan oleh Ahli Kad atau Bank, yuran tahunan, cukai perkhidmatan atau apa-apa yuran lain atau cukai yang dikenakan atau sebahagian daripadanya tidak akan dibayar balik oleh Bank kepada Ahli Kad.
- 11.2 Yuran yang dinyatakan sebelum ini, kadar, cukai atau caj boleh berubah pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa atas budi bicara Bank dan akan dimaklumkan kepada Ahli Bank dengan notis 21 hari. Ahli Kad bertanggungjawab untuk menyemak yuran, kadar, cukai dan caj pada laman web atau menghubungi Pusat Kad Bank.

11.3 Caj Kewangan Bertingkat

Caj kewangan akan dikenakan kepada baki tertunggak pada kadar berikut atas dasar kiraan harian ("Caj Kewangan Bertingkat"):

- a) 1.25% sebulan (15% setahun) untuk Ahli Kad yang tidak lewat menjelaskan Bayaran Minimum Perlu Dibayar berdasarkan fasal 7.1 di dalam ini untuk 12 bulan berturut-turut; atau
- b) 1.42% setahun (17% setahun) untuk Ahli Kad yang tidak lewat menjelaskan Pembayaran Minimum Perlu Dibayar berdasarkan fasal 7.1 di dalam ini untuk sekurang-kurangnya 10 bulan dalam tempoh 12 bulan; atau
- c) 1.5% sebulan (18% setahun) untuk Ahli Kad yang tidak termasuk di dalam mana-mana kategori a) atau b) di atas.

Akaun Kad akan menunjukkan faedah penuh sebanyak 18% setahun setiap bulan dan rebat faedah sebanyak 3% setahun atau 1% setahun yang mana sesuai akan dikreditkan kepada Ahli Kad selepas setiap 12 bulan bergantung sama ada Ahli Kad dalam fasal kecil (a) atau (b) di atas.

11.4 Caj Kewangan Bertingkat ini tidak dikenakan kepada:

- a) Pendahuluan Tunai. Semua baki tertunggak Pendahuluan Tunai adalah tertakluk kepada fasal 11.1(c);
- b) Program Pindahan Baki. Semua baki tertunggak Program Pindahan Baki adalah tertakluk kepada fasal 11.1(f) dan 13; dan

11.5 Ahli Kad yang menjelaskan sepenuhnya baki tertunggak bulan depan pada atau sebelum Tarikh Matang Pembayaran yang dicatatkan dalam Penyata Kad bulanan, akan menikmati tempoh tanpa faedah dalam bulan semasa untuk urusan runcit baru yang dicatat pada Penyata Kad bulanan semasa. Tempoh tanpa faedah untuk urusan runcit bermula dari tarikh Penyata Kad sehingga Tarikh Matang Pembayaran. Urusniaga runcit bermaksud urusan selain dari Pendahuluan Tunai dan urusan pertaruhan atau perjudian.

12. AmBonus (Sah untuk Kad dengan Mata AmBonus sahaja)

- 12.1 Untuk setiap RM1 dicajkan ke Kad untuk pembelian runcit yang baru, satu (1) mata AmBonus akan diberikan.
- 12.2 Pemberian mata AmBonus hanya untuk perbelanjaan runcit sahaja. Faedah, caj kewangan, fi pendahuluan wang tunai, pindahan baki, lain-lain fi yang dikenakan oleh Bank dan baki-baki tertunggak yang dibawa ke hadapan dari bulan yang lepas adalah terkecuali dari pengiraan mata AmBonus. Mata AmBonus tidak diperolehi untuk urusan yang dilaksanakan di stesyen minyak.
- 12.3 Mata AmBonus yang diperolehi di atas Kad Tambahan adalah dikira secara berasingan. Mata AmBonus yang diperolehi akan ditunjukkan dalam Penyata Kad.
- 12.4 Kadar berbeza untuk program kad tertentu pada kadar yang dinyatakan oleh Bank dari masa ke semasa.
- 12.5 Sekiranya terdapat sesuatu transaksi yang dipertikaikan dan/atau dimansuhkan, maka Bank berhak untuk memansuhkan mata AmBonus yang diperolehi dan dikreditkan dari transaksi yang dipertikaikan/dimansuhkan. Sekiranya mata AmBonus telah digunakan, Bank mempunyai hak untuk mendebitkan setara dengan wang pada Akaun Kad.
- 12.6 Mata AmBonus yang dikumpulkan hanya sah untuk tempoh 3 tahun dari tarikh Kad dikeluarkan. Mata AmBonus yang tidak digunakan atau tidak terpakai akan secara automatik dibatalkan selepas tarikh luput.
- 12.7 Apabila Kad dibatalkan samada oleh Bank atau Ahli Kad, mata AmBonus yang tidak digunakan akan dibatalkan dan tidak boleh ditebus oleh Ahli Kad.

13. AmTransfer

- 13.1 Ahli Kad boleh memohon untuk memindahkan baki tertunggak (termasuk caj utama, faedah terkumpul, kewangan dan caj-caj lain) seperti yang tercatat dalam Akaun Penyata ("Baki Tertunggak") daripada akaun kad caj atau kad kredit utama yang dikeluarkan atas nama Ahli Kad oleh pengeluar Kad di Malaysia yang dibilkan dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya, permohonan untuk memindahkan Baki Tertunggak adalah diluluskan, Bank boleh membayar baki tunggakan atau sebahagian daripada baki dengan mendebitkan Akaun Kad Ahli Kad.
- 13.2 Pembayaran di atas untuk menjelaskan Baki Tertunggak dengan menggunakan wang yang didebitkan dari Akaun Kad Ahli Kad dikenali sebagai "Program AmTransfer" atau "Program".
- 13.3 Bank atas budibicara mutlaknya boleh memutuskan samada untuk atau tidak meluluskan permohonan Ahli Kad untuk menyertai Program tanpa memberikan sebarang alasan untuk keputusannya. Tanpa prejudis sebelum ini, Bank akan menolak permohonan untuk menyertai Program sekiranya Baki Tertunggak yang perlu diselesaikan:
 - a) melebihi Had Kredit yang diberikan kepada Ahli Kad; atau
 - b) tidak menepati jumlah amaun pindahan minimum yang dinyatakan oleh Bank.
- 13.4 Melainkan jika dikecualikan oleh pihak Bank, Ahli Kad mestilah, mengemukakan Penyata Kredit/ Kad caj terkini yang menunjukkan Baki Tertunggak dan sePERTINYA atau dokumen lain yang Bank merasakan perlu.
- 13.5 Tandatangan Ahli Kad di dalam borang permohonan untuk menyertai Program ini berkenaan dengan Baki Tertunggak merupakan arahan Ahli Kad dan kuasa kepada Bank untuk menyelesaikan terus dan membayar Baki Tertunggak kepada Pengeluar Kad tersebut bagi pihak Ahli Kad. Amaun yang dibayar kepada Pengeluar Kad adalah amaun yang dinyatakan oleh Ahli Kad di dalam borang permohonan (atau amaun yang diluluskan, sekiranya rendah) dan bukannya amaun yang dinyatakan di dalam penyata Kad Kredit/ caj yang menyatakan Baki Tertunggak, sekiranya berbeza.
- 13.6 Apabila Akaun Kad Ahli Kad didebitkan dengan amaun yang dibayar untuk menyelesaikan Baki Tertunggak atau sebahagian daripadanya berdasarkan kepada permohonan Ahli Kad untuk menyertai Program ini, Baki Tertunggak adalah tertakluk kepada Kadar Faedah Istimewa untuk kesemua Tempoh Kadar Faedah Istimewa. Apabila tempoh tamat Kadar Faedah Istimewa, caj kewangan pada kadar yang dinyatakan di dalam fasal 11.3(c) (1.5% sebulan (18% setahun) pada masa kini) akan dicajkan sehingga penyelesaian. Namun demikian, pada bila-bila masa semasa Tempoh Kadar Faedah Istimewa, jika Akaun Kad Ahli Kad telah melampaui tempoh atau delinkuen, Bank atas budibicara mutlaknya, tanpa prejudis kepada apa-apa hak yang terkandung di dalam ini, mengenakan caj kewangan dengan segera pada amaun yang dibayar kepada Baki Tertunggak pada kadar yang dinyatakan pada fasal 11.3.
- 13.7 Pembayaran Baki Tertunggak atau sebahagian darinya (secara GIRO antara Bank/ Perintah Juruwang/ Draf Bank yang dikeluarkan oleh Bank dan diserahkan kepada pengeluar Kad) boleh dibuat selepas permohonan Ahli Kad untuk menyertai program ini diluluskan tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada Ahli Kad. Caj keuntungan bagi amaun yang telah dibayar oleh Bank akan dikenakan apabila dinyatakan di dalam Penyata.
- 13.8 Kadar Faedah Istimewa bergantung kepada kadar tertentu oleh pihak Bank yang mungkin berbeza dari masa ke semasa dan diterbitkan semasa permohonan Ahli Kad untuk menyertai Program ini diterima oleh Bank. Untuk mengelakkan kemusykilan, Kadar Faedah Istimewa hanya ditawarkan kepada Baki Tertunggak yang telah dipindahkan semasa Tempoh Kadar Faedah Istimewa. Tempoh Kadar Faedah Istimewa bergantung kepada tempoh tertentu oleh pihak Bank yang mungkin ditentukan dari masa ke semasa dan diterbitkan semasa permohonan Ahli Kad untuk menyertai Program ini diterima oleh Bank. Kadar Faedah Istimewa adalah dikira berdasarkan putaran penyata Ahli Kad. Tidak kira tarikh amaun pemindahan baki didebitkan dari Akaun Kad, tarikh Penyata Kad dikeluarkan serta-merta selepas amaun didebitkan akan dikira sebagai bulan pertama.
- 13.9 Apabila permohonan Ahli Kad untuk menyertai Program diluluskan, amaun tersebut yang setara dengan Baki Tertunggak yang perlu dijelaskan akan ditempah dari Had Kredit Ahli Kad untuk tujuan tersebut dan tidak boleh digunakan oleh Ahli Kad sehingga Baki Tertunggak yang telah dipindahkan itu telah dijelaskan.

- 13.10 Ahli Kad akan terus mengekalkan tanggungjawab ke atas pengeluar Kad Kredit dan/ atau caj berdasarkan kepada Terma-terma masing-masing dalam memberikan Ahli Kad untuk menyertai Program ini, tanpa obligasi atau tanggungjawab oleh Bank berkenaan pengeluar kad kredit dan/atau caj yang lain.
- 13.11 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas Ahli Kad untuk sebarang faedah atau apa-apa caj kewangan lain yang dibawa oleh Ahli Kad oleh pengeluar kad kredit dan/atau caj sekiranya disebabkan oleh kegagalan atau kelewatan pihak Bank dalam menjelaskan Baki Tertunggak, tanpa mengambil kira kelulusan telah diberikan kepada permohonan Ahli Kad untuk Program ini.
- 13.12 AmBank berhak untuk membatalkan atau menangguhkan Program dengan notis terlebih dahulu.

14. Ciri-ciri Tambahan

- 14.1 Ahli Kad yang memohon untuk ciri-ciri tambahan (ciri-ciri tambahan yang relevan kepada kad-kad tertentu) yang disediakan oleh Bank adalah terikat kepada Terma-terma dan Syarat-syarat untuk setiap ciri-ciri tambahan yang dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat tambahan berasingan.

15. Pengecualian dari Liabiliti

- 15.1 Bank dalam apa jua keadaan tidak akan bertanggung ke atas kerosakan yang dialami atau kerugian yang ditanggung oleh Ahli Kad berhubung dengan apa-apa penyata, pernyataan, komunikasi atau implikasi berkaitan dengan atau akibat daripada mana-mana Kad yang tidak diperbaharui atau dibatalkan atau apa-apa pembatalan, penggantungan atau sekatan terhadap penggunaan Kad oleh Ahli Kad atau Ahli Kad Tambahan termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa senarai Kad pada Buletin Pembatalan.
- 15.2 Bank tidak akan bertanggung ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku kepada Ahli Kad disebabkan oleh apa-apa tindakan atau peninggalan daripada mana-mana Saudagar atau tempat pengeluaran Pendahuluan Tunai, walaubagaimanapun berlakunya, termasuk apa-apa penahanan dan/atau penolakan untuk menerima Kad atau apa-apa penyata, pernyataan atau komunikasi yang dibuat oleh Saudagar atau tempat pengeluaran Pendahuluan Tunai tersebut atau apa-apa kerosakan atau kekurangan dalam barangan yang dibeli atau perkhidmatan yang diberikan. Ahli Kad hendaklah mengendalikan apa-apa tuntutan atau pertikaian secara langsung dengan Saudagar atau tempat pengeluaran Pendahuluan Tunai dan mengaku janji tidak akan melibatkan Bank dalam apa-apa tuntutan atau pertikaian atau menahan mana-mana pembayaran yang dihutang kepada Bank apabila berlaku sebarang tuntutan atau pertikaian tersebut.
- 15.3 Bank dalam apa jua keadaan tidak akan bertanggung ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad disebabkan oleh apa-apa penggantungan, penarikan balik atau ketiadaan apa-apa kemudahan Kad dan Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak atas budibicaranya untuk membatalkan, menggantung atau menarik balik apa-apa kemudahan Kad dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad.
- 15.4 Ahli Kad dan/atau Ahli Kad Tambahan dengan ini bersetuju untuk mengecualikan dan/ atau melepaskan Bank daripada apa-apa tuntutan atau permintaan yang timbul secara langsung atau tidak langsung (termasuk apa-apa tuntutan untuk fitnah atau kerugian) daripada penarikan balik Kad atau penafian apa-apa bayaran tanpa mengambil kira kedudukannya atau Akaun Kadnya yang masih di dalam Had Kredit.
- 15.5 Sekiranya Bank tidak dapat mengeluarkan atau menghantarkan Penyata Kad, liabiliti Ahli Kad bagi yuran dan caj akan berterusan.

16. Lain-lain

16.1 Perubahan

- a) Bank mempunyai hak untuk mengubah, menambah atau menggugurkan Terma-terma dan Syarat-syarat dari masa ke semasa dengan memaklumkan kepada Ahli Kad tentang apa-apa perubahan tersebut dalam tempoh 21 hari atau menerbitkan apa-apa perubahan Terma-terma dan Syarat-syarat tersebut sebelum tarikh berkuatkuasa dalam apa jua cara yang dianggap sesuai. Ahli Kad akan terikat dengan perubahan tersebut pada tarikh berkuatkuasa yang dinyatakan oleh Bank. Sekiranya Ahli Kad tidak bersetuju dengan perubahan tersebut, Ahli Kad boleh menamatkan penggunaan Kad serta-merta dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Bank dan memulangkan Kad yang dipotong dua kepada Pusat Kad Bank bersama-sama dengan penyelesaian penuh ke atas semua baki tertunggak pada Akaun Kad.
- b) Penahanan atau penggunaan Kad atau tidak membuat pembayaran sepenuhnya ke atas semua baki tertunggak selepas tarikh berkuatkuasa bagi mana-mana perubahan Terma-terma dan Syarat-syarat akan dianggap sebagai penerimaan perubahan tersebut tanpa bertanggung lagi daripada Ahli Kad.

16.2 Pendedahan

- a) Bank boleh mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan Ahli Kad atau Akaun Ahli Kad atau apa-apa akaun lain dengan Bank dan pengendalian, butir-butir Ahli Kad dan urusan Ahli Kad (kewangan atau selainnya) yang diperolehi oleh Bank (selepas ini dirujuk sebagai "informasi Ahli Kad") kepada:
 - i) Unit Kredit Pusat yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau kepada mana-mana biro atau agensi kredit lain yang diluluskan oleh Persatuan Bank Malaysia; dan/atau
 - ii) Mana-mana Saudagar, Institusi Kewangan sertaan, MasterCard/ VISA dan mana-mana institusi ahli MasterCard/ VISA yang menerima Kad, mana-mana ahli VISA International Service Association dan/atau MasterCard International Inc.; dan/atau
 - iii) Kumpulan AmBank, ejennya, pekhidmatnya, dan/atau sekutu institusi kewangan atau mana-mana pihak yang Bank fikirkan perlu; untuk apa-apa tujuan yang difikirkan sesuai oleh Bank atas budibicaranya tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) untuk memudahkan prestasi dan fungsi Bank; dan/atau
 - (ii) untuk mencegah jenayah dan tujuan audit, pemungutan hutang dan tujuan proses perkhidmatan; dan/atau
 - (iii) untuk menyiasat, membuat laporan dan mencegah pelaburan wang haram, perbankan pegganas dan aktiviti-aktiviti jenayah am; dan/atau
 - (iv) untuk mana-mana dan tujuan-tujuan lain yang ditetapkan oleh dan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan.

16.3 Privasi

- a) Ahli Kad mengesahkan bahawa dia telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan AmBank (yang terdapat di www.ambankgroup.com) dan klausa di sini, yang mungkin berkaitan dengan pemrosesan maklumat peribadinya. Bagi mengelak keraguan, Ahli Kad bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut adalah dianggap telah digabungkan dengan merujuk kepada Perjanjian ini.
- b) Sekiranya Ahli Kad memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan kepada pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan dengan keluarga terdekat dan tanggungan mereka untuk tujuan pembukaan atau menjalankan Kemudahan dengan pihak Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan pihak Bank, Ahli Kad adalah:
 - i) mengesahkan bahawa dia telah memperolehi kebenaran atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat kepada pihak Bank dan untuk kegunaan pihak Bank selaras dengan Perjanjian ini;
 - ii) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;

- iii) bersetuju untuk mengemaskini secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan
 - iv) bersetuju terhadap hak pihak Bank untuk menamatkan Kemudahan sekiranya kebenaran tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- c) Bila mana Ahli Kad mengarahkan pihak Bank untuk melaksanakan apa-apa jenis transaksi merentas sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran) butiran mengenai transaksi merentas sempadan (termasuk maklumat berkaitan dengan sesiapa yang terlibat di dalam transaksi tersebut) mungkin akan diterima atau telah dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh ejen luar negara pihak Bank, pengawal selia asing dan/atau pihak berkuasa berkaitan dengan tugas sah mereka (contohnya, pencegahan jenayah). Dalam memberikan arahan kepada pihak Bank dan/atau ejen kami untuk memasuki transaksi merentas sempadan bagi pihak Ahli Kad, Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa pendedahan tersebut di atas adalah oleh pihak Ahli Kad dan pihak –pihak lain yang terlibat di dalam transaksi merentas sempadan tersebut.
- d) Sebagai tambahan, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang, (termasuklah peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) terpakai bagi pihak Bank (sama ada di dalam atau luar Malaysia), Ahli Kad bersetuju bahawa syarikat lain di dalam Kumpulan AmBank, peniaga dan rakan perniagaan strategik mereka boleh menghubungi Ahli Kad mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran, yang mana pihak Bank dan Kumpulan AmBank percaya mungkin memberi kepentingan atau faedah kepada Ahli Kad.
- e) Pihak Bank dan Kumpulan AmBank boleh berkomunikasi dengan Ahli Kad melalui pelbagai saluran, termasuklah telefon, e-mel, pesanan elektronik/bergerak, faksimili atau pos, menggunakan maklumat hubungan yang telah diberikan oleh Ahli Kad.
- f) Ahli Kad boleh memberitahu pihak Bank pada bila-bila masa sekiranya Ahli Kad memilih untuk tidak menerima sebarang komunikasi berhubung dengan pemasaran dari pihak Bank, Kumpulan AmBank dan/atau peniaga dan rakan niaga strategik mereka, dengan menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan pihak Bank di pelbagai saluran berikut:
Telefon : 1300 80 8888 (Domestik) atau (603) 2178 8888 (Luar negara) [24 jam]
E-mel : customercare@ambankgroup.com
Pos : Privacy, AmBank Contact Centre, P.O. Box No. 12617, 50784 Kuala Lumpur
- g) Arahan bertulis yang terkini daripada Ahli Kad akan terpakai. Ahli Kad mengakui bahawa sesetengah komunikasi seperti penyata Kemudahan kepada Ahli Kad dan laman sesawang Kumpulan AmBank mungkin mengandungi maklumat biasa mengenai produk dan perkhidmatan lain pihak Bank dan Kumpulan AmBank yang boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan bahagian penghantaran/operasi Kemudahan tersebut dan/atau tanpa sebarang kos tambahan kepada Ahli Kad.
- h) Pihak Bank mungkin menggunakan agensi laporan kredit dalam membantu membuat keputusan, sebagai contoh apabila pihak Bank memerlukan dalam:
 - i) menyemak butiran bagi permohonan Kemudahan, pembiayaan dan berkaitan-pembiayaan atau kemudahan lain yang diberikan kepada Ahli Kad;
 - ii) menguruskan dan menyemak Kemudahan; dan/atau
 - iii) mendapatkan semula hutang daripada Ahli Kad
- i) Ahli Kad akan dipautkan dengan agensi laporan kredit kepada nama lain yang digunakan Ahli Kad atau mungkin telah digunakan, dan mana-mana pemohon secara bersesama dan berasingan. Pihak Bank mungkin juga akan berkongsi maklumat mengenai Pemohon Yang Berjaya dan bagaimana Ahli Kad menguruskan Kemudahan dengan agensi laporan kredit yang berkaitan.
- j) Walaupun Ahli Kad telah memberikan maklumat kepada pihak Bank, Ahli Kad mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan dahulu. Dalam keadaan sedemikian, pihak Bank berhak untuk tidak memberikan atau menghentikan peruntukan Kemudahan yang dipautkan dengan maklumat tersebut.
- k) Pihak Bank berhak untuk meminda fasal ini dari dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlak pihak Bank dengan memberikan notis kepada Ahli Kad.
- l) Fasal ini adalah tanpa prejudis kepada Fasal 16.2 di dalam perjanjian ini berkenaan dengan Pendedahan.

- 16.4 Undang-undang - Perjanjian ini tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Kuala Lumpur dan adalah dengan ini mengeneppikan sebarang bantahan terhadap prosiding yang dibawa ke dalam Mahkamah di Kuala Lumpur samada atas alasan lokasi atau forum yang menyusahkan.
- 16.5 Jaminan Gantirugi - Dengan tidak menyentuh apa-apa peruntukan lain Perjanjian ini, Ahli Kad bersetuju melindungi Bank daripada apa-apa kerugian atau kerosakan, kos dan perbelanjaan, yuran dan bayaran yang mungkin ditanggung oleh Bank disebabkan kemungkinan mana-mana Terma di dalam Perjanjian oleh Ahli Kad dan/atau semasa menguatkuasakan atau cuba menguatkuasakan mana-mana terma di dalam Perjanjian ini ke atas Ahli Kad dan/atau Ahli Kad Tambahan.
- 16.6 Notis - Penyata Kad, Notis, proses undang-undang akan dianggap sebagai telah diterima selepas dihantar melalui pos kepada Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan ke alamat terakhir yang diketahui dan dimaklumkan kepada Pusat Kad Bank. Pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa khidmat bagi apa-apa Writ atau saman atau apa-apa proses undang-undang lain berhubung dengan apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini akan berkuatkuasa ke atas Ahli Kad dengan menghantar satu salinan dokumen yang sama melalui pos biasa yang telah berbayar ke alamat Ahli Kad yang tertera pada borang Permohonan Kad kredit Bank atau ke alamat terakhir yang diketahui seperti yang mungkin dimaklumkan oleh Ahli Kad kepada Bank dan penghantaran tersebut hendaklah dianggap sebagai khidmat yang sah dan memadai ke atas Ahli Kad sama ada dokumen tersebut akan dikembalikan tanpa penerimaan. Sebarang kegagalan Ahli Kad untuk memaklumkan pertukaran alamatnya yang menyebabkan kelewatan atau pengembalian sebarang Penyata Kad, Notis, surat dan proses undang-undang tidak akan memprejudiskan hak-hak Bank dan apa-apa yang sepatutnya di dalam Perjanjian ini.
- 16.7 Force Majeure - Bank tidak akan bertanggung terhadap kegagalan untuk melaksanakan obligasinya disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh apa-apa bencana alam, atau force majeure, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, kekecohan awam, tindakan penganas, pertikaian industri, kekacauan buruh, sekat masuk, kebakaran, kemalangan, kerosakan mesin, sistem proses maklumat atau hubungan transmisi atau kegagalan sistem telekomunikasi atau kegagalan elektrik atau tanpa menghadkan apa-apa di dalam ini, apa-apa perkara di luar kawalan Bank.
- 16.8 Kuatkuasa - Obligasi Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan akan mengikat wakil diri dan waris kepada Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan.
- 16.9 Kebenaran Membaharui - Ahli Kad membenarkan Bank membaharui Kad untuk Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan apabila tamat tempohnya. Walaubagaimanapun, dengan tidak menyentuh kebenaran tersebut, Bank berhak atas budibicara mutlaknya untuk menahan atau menolak daripada membaharui mana-mana Kad.
- 16.10 Hak Penolakan dan Penggabungan - Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh atas budibicara mutlaknya pada bila-bila masa, dengan serta-merta menyatukan, menolak atau menggabungkan semua atau mana-mana akaun Ahli Kad termasuk akaun atas nama Bank atau nama Ahli Kad bersama dengan yang lain, yang dengannya akaun bersama tersebut dikendalikan atas nama Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan (sama ada akaun semasa, deposit, pinjaman atau apa jua akaun lain sama ada tertakluk kepada notis atau dalam apa jua mata wang) walau di mana sahaja tempatnya dan menolak atau memindahkan mana-mana jumlah yang masih belum dikreditkan kepada mana-mana akaun tersebut atau untuk menyelesaikan semua tanggungan Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan kepada Bank tetapi tidak terhad kepada penyelesaian baki debit dalam Akaun Kad. Bank mempunyai hak pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa, menggantung dan/atau tidak membenarkan apa-apa pengeluaran dari mana-mana akaun deposit dan semasa Ahli Kad yang dikendalikan oleh Bank dan memberikan tempoh notis 7 hari kepada Ahli Kad mengenai hasratnya untuk menggunakan hak untuk menolak atau memindahkan mana-mana baki kredit di dalam akaun semasa dan deposit Ahli Kad untuk menyelesaikan jumlah baki debit di dalam Akaun Kad.

- 16.11 Seksyen 62 Akta Institusi Perbankan dan Kewangan 1989 - Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan hendaklah menyatakan pada borang-borang permohonan samaada mereka merupakan pihak yang berhubungkait berdasarkan keluarga mengikut pindaan "Panduan Transaksi-transaksi dan Pendedahan kepada Pihak yang Berhubungkait Berdasarkan Keluarga" yang terpakai kepada semua Bank serta berhubung dengan Seksyen 62 Akta Institusi Perbankan dan Kewangan 1989. Tanpa sebarang indikasi atau pengakuan yang dibuat pada borang-borang permohonan, Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan akan dianggap sebagai pihak yang tidak berhubungkait berdasarkan keluarga.
- 16.12 Masa - Masa merupakan perkara mustahak bagi Perjanjian ini walau di mana jua ia disebutkan.
- 16.13 Pengecualian - Dengan tidak menyentuh mana-mana peruntukan, kegagalan atau kelewatan pihak Bank dalam melaksanakan apa-apa hak, kuasa atau remedinya dalam ini tidak akan dianggap sebagai pengecualian dan tidak akan menjejaskan hak, kuasa atau remedi tersebut.
- 16.14 Pengekalan Hak dan Kelayakan-Dengan tidak menyentuh apa-apa perkara dalam Perjanjian ini, hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini akan terus berkuatkuasa dan dilaksanakan sepenuhnya dan akan mengeneipkan apa-apa pembatalan atau penggantungan Kad oleh Bank.
- 16.15 Keberhutangan Perakuan - Perakuan yang ditandatangani oleh pegawai Bank yang dibenarkan tentang wang yang pada masa itu terhutang dan perlu dibayar kepada Bank daripada Ahli Kad menjadi bukti muktamad, kecuali bagi apa-apa kesilapan yang nyata, terhutang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank.
- 16.16 Pelantikan Ejen - Sebagai tambahan dan bukannya pengurangan hak Bank di bawah Perjanjian ini, Bank mempunyai hak untuk melantik ejen yang dipilihnya untuk memungut semua dan mana-mana jumlah yang perlu dibayar kepada Bank daripada Ahli Kad di bawah Perjanjian ini.
- 16.17 Akaun Tergantung - Apa-apa pembayaran yang diterima menurut di dalam ini boleh dimasukkan dan disimpan sebagai kredit bagi akaun tergantung tanpa faedah selagi dianggap sesuai oleh Bank dan Bank boleh menggunakan pembayaran tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya untuk melepaskan apa-apa wang atau tanggungan yang perlu dibayar atau ditanggung oleh Ahli Kad. Dengan tidak menyentuh mana-mana pembayaran tersebut jika berlaku apa-apa prosiding atau perkara yang sama dengan Ahli Kad menjadi bankrap atau tidak berupaya membayar hutang, maka Bank boleh membuktikan dan bersetuju menerima apa-apa dividen atau komposisi berkenaan dengan semua atau mana-mana bahagian wang dan tanggungan tersebut ke atas Ahli Kad.
- 16.18 Penyusunan Semula Bank - Obligasi dan tanggungan Ahli Kad akan terus sah dan mengikat bagi apa jua tujuan dengan tidak menyentuh apa-apa perubahan disebabkan penggabungan, pembaharuan atau selainnya yang mungkin dibuat dalam perlembagaan Bank.
- 16.19 Ahli Kad diwajibkan untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat terkini di laman web Bank kerana sekiranya terdapat apa-apa perubahan atau pengemaskinian kepada terma-terma dan syarat-syarat yang diterbitkan di laman web Bank akan terikat terhadap Ahli Kad.

Untuk bantuan, Ahli Kad boleh menghubungi pihak Bank melalui Pusat Panggilannya di **+603-2178 8888**.